Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Kakitangan Sawit Kinabalu Sabah Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2025 bagi Kumpulan dan Koperasi, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 10 hingga 59.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang tersebut memberi gambaran yang sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2025, serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993 dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat Berkelayakan

Penyata kewangan kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 tidak menyatukan keputusan kewangan tiga subsidiari yang dimiliki oleh koperasi. Subsidiari tersebut tidak direkodkan dalam rekod rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dan oleh itu tidak dimasukkan ke dalam penyata kewangan kumpulan. Ini merupakan satu ketakpatuhan terhadap Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang memerlukan penyatuan semua entiti subsidiari.

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bahagian Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan tersebut. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan kesesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami bebas daripada Kumpulan dan Koperasi selaras dengan Undang-undang Kecil (atas Etika Professional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Professional Antarabangsa untuk Akauntan (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-undang Kecil dan kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Lembaga Koperasi bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi yang terkandung di dalam laporan Lembaga Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi dan laporan juruaudit kami.

TG SIA & CO
Chartered Accountants
Firm No : AF0930

TB 311 & TB 312
2ND FLOOR, BLOCK 36,
FAJAR COMPLEX
P. O. BOX 878,
91008 TAWAU, SABAH.

TEL : 089-778789 / 778790
089-750878 / 754878
089-773798 / 773799
H/P : 019-8128790
FAX : 089-761341
E-mail : tgsiaco@yahoo.com
tgsiaco@gmail.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI KOPERASI SAWIT KINABALU BERHAD

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya (sambungan)

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak memberi sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca laporan Lembaga Pengarah dan, dalam masa yang sama mempertimbangkan sama ada laporan Lembaga Pengarah tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi semasa audit atau sebaliknya kelihatan disalahnyatakan secara material.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang kami laksanakan, kami berpendapat bahawa terdapat salah nyata material dalam Laporan Lembaga Pengarah, kami dikehendaki melaporkan perkara tersebut. Tiada apa yang kami ingin laporkan berkenaan perkara ini.

Tanggungjawab Lembaga Koperasi Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Koperasi bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993 dan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang lembaga tentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Koperasi meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, mana yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Lembaga sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau Koperasi atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau dalam agregat, ianya boleh dengan munasabah dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

TG SIA & CO
Chartered Accountants
Firm No : AF0930

TB 311 & TB 312
2ND FLOOR, BLOCK 36,
FAJAR COMPLEX
P. O. BOX 878,
91008 TAWAU, SABAH.

TEL : 089-778789 / 778790
089-750878 / 754878
089-773798 / 773799
H/P : 019-8128790
FAX : 089-761341
E-mail : tgsiaco@yahoo.com
tgsiaco@gmail.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI KOPERASI SAWIT KINABALU BERHAD

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Audit Penyata Kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit, kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata material dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat daripada kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau pelangkauan kawalan dalaman.

- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Koperasi ini.

- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Lembaga.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Lembaga menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ketara terhadap keupayaan Kumpulan atau Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Kumpulan dan Koperasi berhenti meneruskan sebagai usaha berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi mewakili urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Lembaga mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

TG SIA & CO
Chartered Accountants
Firm No : AF0930

TB 311 & TB 312
2ND FLOOR, BLOCK 36,
FAJAR COMPLEX
P. O. BOX 878,
91008 TAWAU, SABAH.

TEL : 089-778789 / 778790
089-750878 / 754878
089-773798 / 773799
H/P : 019-8128790
FAX : 089-761341
E-mail : tgsiaco@yahoo.com
tgsiaco@gmail.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI KOPERASI SAWIT KINABALU BERHAD

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Kawal Setia Lain

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

(a) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 dan Akta lain yang disimpan oleh Koperasi dan subsidiarinya telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta.

(b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset oleh Koperasi dan subsidiarinya sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah selaras dengan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 di Malaysia dan peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia;

(c) aset dan liabiliti, dalam semua sudut yang material, telah dinyatakan sewajarnya mengikut piawaian perakaunan yang berkenaan;

(d) kami berpuas hati bahawa akaun subsidiary yang telah disatukan dengan penyata kewangan. Koperasi adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang diperlukan oleh kami bagi tujuan tersebut.

TG SIA & CO
Chartered Accountants
Firm No : AF0930

TB 311 & TB 312
2ND FLOOR, BLOCK 36,
FAJAR COMPLEX
P. O. BOX 878,
91008 TAWAU, SABAH.

TEL : 089-778789 / 778790
089-750878 / 754878
089-773798 / 773799
H/P : 019-8128790
FAX : 089-761341
E-mail : tgsiaco@yahoo.com
tgsiaco@gmail.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI KOPERASI SAWIT KINABALU BERHAD

Perkara-perkara lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli-ahli Koperasi sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 daripada Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

TG Siamo

TG Sia & Co
Nombor Firma : AF 0930
Akauntan Bertauliah

Sia Tiong Guan
01631/04/2028 J
SKM(B)0117

Tarikh : 09 JUL 2026

TAWAU

KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD
RCS 475/89
(Diperbadankan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		Koperasi	
		2025	2024	2025	2024
	Note	RM	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA					
Harta, loji dan peralatan	5	5,588,029	5,745,427	2,606,576	2,654,690
Pelaburan dalam subsidiari	6	2,146,000	2,146,000	4,322,000	4,229,500
Pelaburan dalam saham	7	142,679	142,679	142,679	142,679
Aset cukai tertunda	8	254,570	254,570	257,744	257,744
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		8,131,278	8,288,676	7,328,999	7,284,613
ASET SEMASA					
Inventori	9	1,156,053	1,154,707	1,066,234	1,025,773
Kos pembangunan projek perumahan	10	374,826	374,826	374,826	374,826
Penghutang perdagangan	11	3,369,878	2,789,273	2,237,350	1,870,005
Pelbagai penghutang	12	5,312,654	5,377,495	5,302,226	5,196,041
Hutang daripada subsidiari	13	-	-	297,855	561,656
Skim pinjaman anggota	14	633,076	356,870	633,076	356,870
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	15	90,358	89,071	90,358	89,071
Cukai semasa		245,330	277,886	335,678	277,886
Wang di bank	16	2,702,526	1,688,036	1,711,352	1,179,930
Wang dalam tangan	16	2,878	1,798	2,345	1,440
JUMLAH ASET SEMASA		13,887,579	12,109,962	12,501,300	10,933,498
JUMLAH ASET		22,018,857	20,398,638	19,380,299	18,218,111

KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD
RCS 475/89
(Diperbadankan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		Koperasi	
		2025	2024	2025	2024
	Nota	RM	RM	RM	RM
DIBIAYAI OLEH:					
Modal syer anggota	17	3,781,585	3,230,635	3,781,585	3,230,635
Keuntungan terkumpul		6,747,797	6,732,145	5,960,746	6,227,582
Faedah minoriti		1,404,056	1,349,862	-	-
		11,933,438	11,312,642	9,742,331	9,458,217
Kumpulan Wang Rizab Statutori	18	2,084,292	2,084,292	2,084,292	2,084,292
Tabung Kebajikan Am	19	19,118	32,918	19,118	32,918
Tabung Pinjaman Anggota	20	1,156,728	1,156,728	1,156,728	1,156,728
Tabung Caruman Anggota	21	867,566	801,688	867,566	801,688
Tabung Pusingan Pelancongan Anggota	22	257,058	257,058	257,058	257,058
Tabung Penebusan Saham Anggota	23	39,830	39,830	39,830	39,830
Tabung Keusahawanan Anggota	24	100,000	100,000	100,000	100,000
		16,458,030	15,785,156	14,266,923	13,930,731
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pemiutang sewa beli	25	181,784	347,115	181,784	347,115
Pinjaman bank	26	707,157	807,308	707,157	807,308
		888,941	1,154,423	888,941	1,154,423
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang perdagangan	27	1,279,576	629,889	946,627	433,263
Pelbagai pemiutang, akruan dan deposit diterima	28	2,637,489	2,442,652	2,522,987	2,334,729
Pemiutang daripada subsidiari	13	-	-	-	1,000
Pemiutang sewa beli	25	165,331	156,127	165,331	156,127

KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD
RCS 475/89
(Diperbadankan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		Koperasi	
		2025	2024	2025	2024
	Nota	RM	RM	RM	RM
LIABILITI SEMASA					
Pinjaman bank	26	139,200	139,200	139,200	139,200
Dividen	29	432,632	54,492	432,632	54,492
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	30	-	-	-	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	31	-	-	-	-
Overdraf bank (tanpa cagaran)	32	17,658	14,146	17,658	14,146
Cukai semasa		-	22,553	-	-
		4,671,886	3,459,059	4,244,435	3,132,957
		22,018,857	20,398,638	19,380,299	18,218,111

KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD
RCS 475/89
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		Koperasi	
		2025	2024	2025	2024
	Nota	RM	RM	RM	RM
Jumlah Pendapatan	34 & 35	28,459,837	28,347,292	9,344,254	10,212,433
Tolak: Pelarasan Operasi		(27,956,636)	(28,088,822)	(9,438,030)	(10,329,488)
Untung/(Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi		503,201	258,470	(93,776)	(117,055)
Tolak:					
Peruntukkan Cukai	33	(167,795)	(135,292)	-	-
Untung/(Rugi) bersih pada tahun		335,406	123,178	(93,776)	(117,055)
Jumlah pendapatan komprehensif pada diagihkan kepada:					
Faedah minoriti		146,694	127,362	-	-
Pemilik koperasi		188,712	(4,184)	(93,776)	(117,055)
		335,406	123,178	(93,776)	(117,055)

KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD
RCS 475/89
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		Koperasi	
		2025	2024	2025	2024
	Nota	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN					
Pendapatan Aktiviti					
Pendapatan	34	28,167,195	28,131,053	9,001,983	9,897,402
Am	35	292,642	216,239	342,271	315,031
JUMLAH		28,459,837	28,347,292	9,344,254	10,212,433
PERBELANJAAN					
Kos Jualan					
Inventori awal pada 1 Januari		1,154,707	1,483,621	1,025,773	1,390,880
Belian		20,283,180	19,648,183	2,780,226	2,767,635
Pengangkutan		3,744,870	3,891,702	3,744,871	3,891,702
Pelbagai Perbelanjaan		39,088	56,075	-	-
		25,221,845	25,079,581	7,550,870	8,050,217
Inventori akhir pada 31 Disember		(1,156,053)	(1,154,707)	(1,066,234)	(1,025,773)
	36	24,065,792	23,924,874	6,484,636	7,024,444
PERBELANJAAN AM					
Fi Juruaudit Swasta					
- Tahun semasa	37	48,000	49,900	31,000	32,900
- Terlebih catat pada tahun lalu	37	(1,600)	-	(1,000)	-
Perbelanjaan Anggota Lembaga	43	115,254	137,320	115,254	137,320
Kos Pinjaman	38	62,826	79,910	62,826	79,910
Susutnilai Aset	39	397,731	427,603	288,447	308,525
Perbelanjaan Mesyuarat Agung	40	526,467	430,398	449,712	266,244
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan	41	1,289,034	1,211,898	884,250	869,856
Pelbagai Perbelanjaan	42	1,453,132	1,826,919	1,122,905	1,610,289
JUMLAH		3,890,844	4,163,948	2,953,394	3,305,044
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH		503,201	258,470	(93,776)	(117,055)

KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD

RCS 475/89

(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		Koperasi	
	Nota	2025 RM	2024 RM	2025 RM	2024 RM
Jumlah Pendapatan		28,459,837	28,347,292	9,344,254	10,212,433
Tolak: Pelarasan Operasi		(27,956,636)	(28,088,822)	(9,438,030)	(10,329,488)
Untung/(Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi		503,201	258,470	(93,776)	(117,055)
Tolak : Pembahagian berkanun					
Kumpulan Wang Rizab Statutori – 12%		-	-	-	-
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan – 2%		-	-	-	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan – 1%		-	-	-	-
		-	-	-	-
Untung/(Rugi) Selepas Pembahagian Berkanun		503,201	258,470	(93,776)	(117,055)
Tolak:					
Peruntukkan Cukai	33	167,795	135,292	-	-
Tolak : Pembahagian Lain					
Honorarium		-	-	-	-
Dividen Atas Syer		371,040	-	371,040	-
Dividen Atas Yuran		28,582	-	28,582	-
		399,622	-	399,622	-
Baki Keuntungan/(Kerugian) Yang Belum Dibahagi-bahagikan		(64,216)	123,178	(493,398)	(117,055)
Tolak: Pelarasan Bukan Operasi	44	79,868	(284,250)	226,562	(230,179)
Baki (kerugian)/keuntungan selepas pembahagian		15,652	(161,072)	(266,836)	(347,234)
Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun		6,732,145	6,893,217	6,227,582	6,574,816
Keuntungan Terkumpul Pada Akhir Tahun		6,747,797	6,732,145	5,960,746	6,227,582

KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD

RCS 475/89

(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	Kumpulan		Koperasi	
		2025	2024	2025	2024
		RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI					
Keuntungan/(Kerugian) bersih sebelum cukai		503,201	258,470	(93,776)	(117,055)
Pelarasan untuk:					
Susutnilai harta, loji dan peralatan		397,731	427,603	288,447	308,525
Rosot nilai atas penghutang		13,950	-	-	-
Pendapatan dividen		(19,635)	(20,653)	(19,635)	(124,828)
Faedah diterima		(56,969)	(53,695)	(56,015)	(53,153)
Faedah pinjaman dibayar		62,826	79,910	62,826	79,910
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		901,104	691,635	181,847	93,399
(Penambahan)/Pengurangan dalam inventori		(1,346)	328,915	(40,461)	365,108
Pengurangan/(Penambahan) dalam penghutang		57,585	66,949	(47,231)	205,605
Pengurangan dalam penghutang dari subsidiari		-	-	263,801	89,229
Penambahan dalam skim pinjaman anggota		(276,206)	-	(276,206)	-
Penambahan/(Pengurangan) dalam pemiutang		969,165	(1,471,449)	1,079,763	(1,396,747)
Pengurangan dalam perbelanjaan kebajikan am		(13,800)	(10,800)	(13,800)	(10,800)
(Pengurangan)/Penambahan dalam pemiutang daripada subsidiari		-	-	(1,000)	1,000
Penambahan dalam tabung caruman anggota		65,878	62,904	65,878	62,904
Tunai diperolehi/(digunakan) dalam aktiviti operasi		1,702,380	(331,846)	1,212,591	(590,302)
Faedah dibayar		(62,826)	(79,910)	(62,826)	(79,910)
Faedah diterima		56,969	53,695	56,015	53,153
Cukai dibayar		(157,792)	(203,047)	(57,792)	(68,000)
Tunai bersih diperolehi/(digunakan) dalam aktiviti operasi		1,538,731	(561,108)	1,147,988	(685,059)

KOPERASI KAKITANGAN SAWIT KINABALU SABAH BERHAD
RCS 475/89
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		Koperasi	
		2025	2024	2025	2024
	Nota	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN					
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		-	(12,370)	-	(12,370)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		-	(6,185)	-	(6,185)
Tunai untuk bayaran berkanan dan agihan		-	(18,555)	-	(18,555)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Tambahan pelaburan dalam subsidiari		-	(1,000)	(92,500)	(69,500)
Tambahan hartanah, loji dan peralatan	5	(240,333)	(82,391)	(240,333)	(57,601)
Dividen diterima		56,015	20,653	56,015	124,828
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(184,318)	(62,738)	(276,818)	(2,273)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Penerimaan daripada pelaburan modal saham		550,950	726,150	550,950	725,150
Pembayaran dividen		(635,740)	(762,639)	(635,740)	(701,514)
Pembayaran sewa beli		(156,127)	(165,897)	(156,127)	(165,897)
Pembayaran pinjaman		(100,151)	(94,788)	(100,151)	(94,788)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(341,068)	(297,174)	(341,068)	(237,049)
Tambahan/(Kurangan) tunai dan setara tunai		1,013,345	(939,575)	530,102	(942,936)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun		1,764,759	2,704,334	1,256,295	2,199,231
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun		2,778,104	1,764,759	1,786,397	1,256,295

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan		Koperasi	
		2025	**2024**	**2025**	**2024**
	Nota	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**
Tunai dan setara tunai diwakili oleh:					
Tunai di tangan dan di bank		2,705,404	1,689,834	1,713,697	1,181,370
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori		90,358	89,071	90,358	89,071
Overdraft bank (tanpa cagaran)		(17,658)	(14,146)	(17,658)	(14,146)
		2,778,104	1,764,759	1,786,397	1,256,295

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31HB DISEMBER 2025

1. MAKLUMAT KOPERASI

Koperasi didaftarkan dan beroperasi di Malaysia.

Pejabat berdaftar Koperasi terletak di Pejabat Wilayah BSSB, KM 2.5, Jalan Kuhara, Beg Berkunci No. 28, 91009 Tawau, Sabah.

Alamat beroperasi Koperasi terletak di Tingkat 2, TB 4290/1, Jalan Masjid, Peti Surat 1994, 91044 Tawau, Sabah.

Kegiatan-kegiatan utama Koperasi ialah jualan minyak, pelincir dan alat gantian, menjalankan kontrak pengangkutan BTB dan pembangunan projek perumahan.

Aktiviti utama subsidiari syarikat ialah syarikat pemegang pelaburan, perniagaan pelancongan dan jualan minyak dan pelincir dan barangan runcit. Butiran mengenai subsidiari dinyatakan pada Nota 6.

Tiada perubahan yang ketara dalam kegiatan-kegiatan utama pada tahun kewangan ini.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam mata yang fungsian, iaitu mata wang utama di mana entiti beroperasi. Mata wang fungsian Koperasi ialah Ringgit Malaysia di mana jualan dan belian biasanya melalui Ringgit Malaysia dan penerimaan dari aktiviti operasi biasanya melalui Ringgit Malaysia dan dana daripada aktiviti kewangan dijana dalam Ringgit Malaysia.

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas perakaunan

2.1.1 Penyata kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah, kecuali untuk serta mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat 2016.

2.1.2 Penyata kewangan yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi kehendak Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-undang Kecil Koperasi.

2.2 Subsidiari dan asas penyatuan

2.2.1 Subsidiari

Subsidiari adalah syarikat di mana Koperasi mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti subsidiari tersebut. Di penyata kewangan Koperasi, pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Di atas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa diiktiraf dalam penyata kewangan.

2.2 Subsidiari dan asas penyatuan (sambungan)

2.2.2 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan penyata-penyata kewangan Koperasi dan subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Baki kumpulan intra adalah dihapuskan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan dan penyata kewangan tersebut menggambarkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja.

Penyata kewangan bagi syarikat-syarikat subsidiari adalah termasuk dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga tarikh tersebut tamat.

2.2.3 Kombinasi perniagaan

Kombinasi perniagaan diambilkira dengan menggunakan kaedah pembelian. Kos kombinasi perniagaan dinilai berdasarkan nilai saksama agregat, pada tarikh perolehan, aset yang diberikan, liabiliti yang telah berlaku atau dijangka, dan instrument ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan, sebagai pertukaran kawalan yang diperoleh, bersama dengan sebarang kos langsung berkaitan kombinasi perniagaan.

Pada tarikh perolehan, Kumpulan akan memperuntukkan kos kombinasi perniagaan dengan mengiktiraf aset boleh kenal pasti yang diperoleh, liabiliti dan liabiliti luar jangka pada nilai saksama, kecuali aset cukai tertunda atau liabiliti terhasil daripada aset diperoleh dan liabiliti jangka dalam kombinasi perniagaan dan liabiliti atau aset, jika ada, berkaitan dengan susunan manfaat pekerja yang diperoleh. Sebarang lebihan kos kombinasi perniagaan berbanding kepentingan pemeroleh pada nilai saksama bersih aset boleh kenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka adalah direkodkan sebagai muhibah. Sebarang kepentingan tak mengawal dalam yang diperoleh dinilai pada saham berkadar kepentingan tak mengawal terhadap amaun diiktiraf untuk aset boleh kenal pasti yang diperoleh.

Jika, selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset boleh kenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka diiktiraf melebihi kos kombinasi perniagaan, lebihan tersebut akan diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

Dalam penyata kewangan disatukan, kepentingan tak mengawal dalam aset bersih subsidiari adalah termasuk dalam ekuiti. Kumpulan menetapkan perubahan terhadap kepentingan kawalan induk dalam subsidiari yang tidak memberi kesan kepada kehilangan kawalan sebagai transaksi dengan pemegang ekuiti dalam kapasiti mereka sebagai pemegang ekuiti. Secara berturutan, amaun dibawa oleh kepentingan tak mengawal diselaras untuk menunjukkan perubahan terhadap kepentingan induk dalam aset bersih subsidiari. Sebarang perbezaan antara amaun pelarasan kepentingan tak mengawal dan nilai saksama bagi ganjaran dibayar atau diterima, jika ada, akan diiktiraf serta merta dalam ekuiti dan berkaitan dengan pemegang ekuiti induk. Untung atau rugi yang terhasil daripada perubahan tersebut dan perubahan amaun dibawa oleh aset (termasuk muhibah) atau liabiliti kesan daripada transaksi sebegitu tidak akan diiktiraf.

2.3 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada, kecuali tanah dan bangunan pegangan bebas.

Selain daripada tanah dan aset dalam pembinaan pegangan bebas, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos atau penilaian aset sepanjang anggaran hayat penggunaan, seperti berikut:

	Kadar
Hartanah	2%
Peralatan & kelengkapan	20%
Kenderaan bermotor	20%

Susut nilai aset bermula apabila ia sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan.

Nilai sisa dan hayat berguna aset, jika ketara, dikaji semula pada setiap tarikh laporan.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan aset, ditentukan sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa item tersebut akan diiktiraf dalam untung rugi.

2.4 Muhibah

Muhibah diperolehi dalam kombinasi perniagaan, adalah lebihan kos kombinasi perniagaan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti, liabilitili dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf, adalah dinilai awal pada kos dan diiktiraf sebagai aset. Selepas pengiktirafan awal, muhibah dinilai pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang rosotnilai terkumpul.

Pelunasan muhibah dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan anggaran jangka hayat. Anggaran jangka hayat bagi muhibah ialah 10 tahun berdasarkan penilaian terbaik pengurusan.

Bagi tujuan ujian rosotnilai, muhibah diperuntuk, pada tarikh perolehan, kepada setiap unit penjanaan tunai dimiliki Kumpulan yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi, tidak mengira samada aset atau liabiliti dimiliki yang diperoleh ditugaskan kepada para unit tersebut. Unit penjanaan tunai dimana muhibah telah diperuntukkan akan diiuji setahun sekali bagi rosotnilai, dan apabila terdapat indikasi bahawa unit tersebut mengalami kemerosotan, amaun dibawa oleh unit akan dibandingkan, termasuk muhibah, dengan amaun boleh pulih. Kemerosotan nilai akan diiktiraf bagi unit penjanaan tunai apabila amaun boleh pulih unit kurang daripada amaun dibawanya. Sebarang rosotnilai yang diiktiraf pada permulaan adalah untuk mengurangkan amaun dibawa muhibah kepada unit, dan kemudian kepada aset bukan semasa pada asas pro rata bagi amaun dibawa setiap aset berkenaan dalam unit tersebut. Sebarang rosotnilai diiktiraf bagi muhibah tidak berbalik dalam tempoh seterusnya.

2.5 Kemerosotan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh laporan, syarikat menilai sama ada terdapat sebarang kemungkinan bahawa aset mungkin terjejas. Jika kemungkinan tersebut wujud, jumlah yang boleh diperolehi semula bagi aset dianggarkan. Tanpa mengira sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai, syarikat menguji aset tidak ketara dengan jangka hayat penggunaan tanpa terhad atau aset tidak ketara tidak lagi dapat digunakan untuk nilai kemerosotan setiap tahun.

Apabila jumlah boleh diperolehi semula aset bagi individu tidak dapat dianggarkan, syarikat akan menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula daripada unit penjanaan tunai bagi aset tersebut.

Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi daripada nilai saksama setelah tolak kos untuk jualan dan nilai penggunaan. Dalam menkaji nilai penggunaan, aliran tunai masa hadapan diberi diskaun pada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus untuk aset.

2.6 Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada kos setelah ditolak peruntukan rosotnilai. Peruntukan dibuat untuk pelaburan yang dijangka akan mengalami kejatuhan berkekalan dalam nilainya. Pendapatan dari pelaburan tersebut dimasukkan dalam penyata pendapatan jika dan bila diterima.

2.7 Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di atara kos dan nilai boleh realisasi bersih.

Kos inventori meliputi semua kos belian, kos penukaran dan kos lain yang terlibat untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaaan semasanya. Kos dikira menggunakan kaedah pertama keluar pertama masuk (First-in First-Out). Nilai boleh realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perjalanan biasa perniagaan di tolak anggaran kos yang diperlukan untuk membuat jualan.

2.8 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Pembelian biasa dan jualan aset kewangan adalah diiktiraf dan dinyahiktiraf melalui tarikh dagangan perakaunan.

Pada pengiktirafan permulaan, aset kewangan diukur pada nilai saksama, campur kos urus niaga bagi aset kewangan bukan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi'.

2.8 Aset Kewangan (sambungan)

Kaedah faedah efektif adalah kaedah pengiraan kos pelunasan aset kewangan dan memperuntukkan pendapatan faedah sepanjang tempoh tertentu. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun yang tepat bagi anggaran penerimaan tunai masa hadapan melalui jangka hayat aset kewangan atau tempoh yang lebih pendek pada nilai bersih aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan ke dalam salah satu daripada empat kategori; aset kewangan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi', aset yang dipegang hingga pelaburan matang, aset pinjaman dan aset belum terima dan aset kewangan sedia untuk dijual.

i) Aset Kewangan Pada 'Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi'

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai 'aset dipegang untuk dagangan' jika:

- Ia dimiliki dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- Pada pengiktirafan permulaan, ia adalah sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang dikenalpasti dan diuruskan serentak yang mana terdapat bukti corak sebenar terbaru bagi pengambilan untung jangka pendek; atau
- Ia adalah terbitan yang tidak ditetapkan dan instrumen lindung nilai yang berkesan.

Aset kewangan (selain daripada 'dipegang untuk dagangan') direka pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' selepas pengiktirafan awal jika:

- Ia menghapuskan atau mengurangkan nilai pengukuran yang ketara atau pengiktirafan tidak konsisten yang timbul daripada pengukuran aset atau pengiktirafan keuntungan dan kerugian ke atas aset kewangan pada asas yang berbeza; atau
- Sekumpulan aset kewangan diuruskan dan pretasinya dinilai pada nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko yang didokumenkan atau strategi pelaburan, dan maklumat mengenai kumpulan itu disediakan secara dalaman atas dasar itu; atau
- Kontrak yang mengandungi satu atau lebih derivatif terbenam, keseluruhan kontrak hibrid addalah ditetapkan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian atas aset kewangan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' diiktiraf dalam untung atau rugi.

ii) Pelaburan 'Dipegang Sehingga Matang'

Pelaburan 'dipegang hingga matang' adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dengan kematangan tetap yang mana syarikat berniat dan berupaya untuk pegang aset sehingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan 'dipegang hingga matang' diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif tolak kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pelaburan 'dipegang hingga matang' tidak lagi diiktiraf atau terjejas.

iii) Pinjaman Dalam Penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset bukan derivatif kewangan (seperti penghutang perdagangan, pinjaman aset, instrumen hutang yang tidak disebut harga dan deposit disimpan dalam bank) dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang harganya tidak disebut dalam pasaran aktif.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan akaun belum terima diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif tolak sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan penghutang tidak diiktiraf atau terjejas.

iv) Aset Kewangan 'Sedia Untuk Dijual'

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dan hutang yang didagangkan dalam pasaran aktif dan instrumen ekuiti yang tidak disebut harga tertentu (jika nilai saksama boleh ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian) dikelaskan sebagai aset kewangan sedia untuk dijual. Aset kewangan 'setia untuk dijual' diukur pada nilai saksama.

Keuntungan atau kerugian atas aset kewangan' sedia untuk dijual' direkod dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi rugi rosot nilai dan untung atau rugi bagi tukaran asing, sehingga aset kewangan 'sedia untuk dijual' tidak lagi diiktiraf. Pada masa itu, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasan klasifikasi semula.

Faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen ke atas instrumen ekuiti 'sedia untuk dijual' diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak syarikat untuk menerima bayaran ditentukan.

v) Klasifikasi Semula Aset Kewangan

Syarikat tidak mengelaskan semula terbitan daripada kategori 'nilai saksama melalui untung atau rugi' apabila diadakan atau dipertikaikan. Syarikat tidak mengklasifikasikan semula aset kewangan lain dari kategori 'nilai saksama melalui untung atau rugi' jika selepas pengiktirafan awal, aset kewangan ditetapkan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi'. Aset kewangan yang lain tidak diiklasifikasikan semula dalam kategori 'nilai saksama melalui untung atau rugi' selepas pengiktirafan awal di bawah kategori lain.

Apabila ia tidak lagi sesuai untuk mengklasifikasikan sebuah pelaburan sebagai 'dipegang hingga matang' akibat daripada perubahan dalam niat dan keupayaan, pelaburan tersebut diklasifikasikan semula sebagai dipegang untuk dijual dan diukur semula pada nilai saksama. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa dan nilai saksama pelaburan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

vi) Penjejasan Aset Kewangan

Pada tarikh pelaporan syarikat menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang dipegang, selain daripada aset kewangan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi', terjejas. Aset kewangan akan terjejas jika terdapat bukti objektif kemerosotan akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset kewangan yang memberi kesan ke atas aliran tunai masa hadapan daripada aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan tepat.

Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai 'sedia untuk dijual', bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas termasuk kehilangan pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan, atau penurunan harga pasaran di bawah kos.

Bagi aset kewangan yang lain, bukti objektif boleh termasuk:

- Masalah kewangan penerbit; atau
- Pelanggaran kontrak; atau
- Pemberi pinjaman memberikan konsesi kepada peminjam bahawa pemberi pinjaman tidak akan mempertimbangkan; atau
- Ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan muflis atau penyusunan semula kewangan yang lain; atau
- Data yang boleh diperhatikan yang menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa hadapan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset tersebut.

Kerugian kemerosotan nilai, berkenaan dengan pelaburan 'dipegang hingga matang' yang dikira mengikut kos lunas diukur sebagai perbezaan antara aset nilai dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada pelaburan yang dipegang hingga matang bagi kadar faedah efektif asal.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika pasti bahawa tidak ada bukti objektif kemerosotan nilai wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, aset adalah termasuk dalam satu kumpulan yang sama dengan ciri risiko kredit dan nilai kemerosotan dikira secara kolektif.

vi) Penjejasan Aset Kewangan (sambungan)

Nilai bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali bagi jumlah penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian serta-merta. Jika dalam tempoh kemudian, jumlah kerugian kemerosotan nilai berkurangan, kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelum ini diterbalikkan secara langsung, kecuali bagi jumlah yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang diterbalikkan untuk menulis semula jumlah yang sebelum ini disediakan dalam akaun peruntukan. Keterbalikan penghutang dagangan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian serta-merta.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian kemerosotan nilai telah dilakukan ke atas aset kewangan yang dibawa pada kos, jumlah kerugian kemerosotan nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan mengikut kadar pasaran semasa berdasarkan pulangan aset kewangan yang serupa. Kerugian bagi kemerosotan nilai tersebut tidak dibalikkan.

Untuk aset kewangan 'sedia unutk dijual' jika penurunan dalam nilai saksama diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terdapat bukti objektif bahawa aset terjejas, kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dikelaskan semula kepada untung atau rugi.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai aset kewangan sedia untuk dijual tidak dibalikkan melalui penyata pendapatan.

Jila nilai saksama instumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset kewangan 'sedia unutk dijual' kemudiannya meningkat, dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian kemerosotan diterbalikkan dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

vii) Aset Kewangan Tidak diambil kira

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontraktual pada aliran tunai daripada aset kewangan tersebut luput atau Syarikat memindahkan aset kewangan dan memindahkan layak untuk penyahiktirafan.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.9 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank, deposit jangka pendek dan lain-lain, pelaburan berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan dalam risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai adalah dinyatakan selepas tolak overdraf bank.

2.10 Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak bukti faedah sisa dalam aset Koperasi selepas ditolak jumlah liabilitinya. Intrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Koperasi diiktiraf pada jumlah yang diterima, selepas ditolak kos terbitan langsung.

Dividen ke atas saham biasa akan diiktiraf sebagai liabiliti apabila hak pemegang saham untuk menerima dividen tersebut diwujudkan.

2.11 Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Koperasi mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa yang lepas dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran munasabah mengenai jumlah boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa terbaik. Sekiranya kesan daripada nilai wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan dijangka untuk diperlukan bagi menyelesaikan obligasi.

2.12 Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan, yang dikelaskan sebagai pajakan kewangan, di mana sebahagian besar risiko dan manfaat berkait dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah, dipindahkan kepada Koperasi.

Aset di bawah pajakan kewangan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka pendek tempoh pajakan atau hayat penggunanya. Faedah pajakan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan untuk memberi kadar faedah berkala yang tetap atas baki liabiliti pada akhir setiap tempoh perakaunan.

Semua pajakan lain dikelaskan sebagai pajakan operasi dan sewa pajakan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.13 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila syarikat menjadi ahli bagi peruntukan kontrak intrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, ditambah dengan kos urus niaga bagi liabiliti kewangan bukan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi'.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sulit pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' atau kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

i) Liabiliti Kewangan Pada 'Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi'

Liailiti kewangan dikelaskan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' apabila liabiliti kewangan 'dipegang untuk dagangan' atau selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan ditetapkan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi'.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai 'dipegang untuk dagangan' jika:

- Berlaku untuk tujuan pembelian semula liabiliti dalam tempoh terdekat; atau

- Pada pengiktirafan permulaan, ia adalah sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang dikenalpasti yang diuruskan bersama dan terdapat bukti corak sebenar baru untuk pengambilan untung jangka pendek; atau

- Ia adalah terbitan yang tidak tetap dan instrumen lindung nilai yang berkesan.

Liabiliti kewangan (selain daripada 'dipegang unutk dagangan') direka pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' selepas pengiktirafan awal jika;

- Ia menghapuskan atau mengurangkan dengan ketara pengukuran atau pengiktirafan tidak konsisten yang timbul daripada pengukuran liabiliti atau pengiktirafan keuntungan dan kerugian pada asas yang berbeza; atau

- Sekumpulan liabiliti kewangan diuruskan dan prestasinya dinilai pada nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko yang didokumenkan atau strategi pelaburan, dan maklumat mengenai kumpulan itu disediakan secara dalaman mengikut dasar tersebut; atau

- Kontrak yang mengandungi satu atau lebih derivatif terbenam, keseluruhan kontrak hibrid ditetapkan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi'.

Selepas pengiktirafkan awal, liabiliti kewangan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada liabiliti kewangan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' diiktiraf dalam untung atau rugi.

ii) Liabiliti Kewangan Kos Pelunasan Mengunakan Kaedah Kepentingan Berkesan

Kaedah faedah efektif adalah kaedah pengiraan kos dilunaskan bagi liabiliti kewangan dan memperuntukkan perbelanjaan faedah sepanjang tempoh berkesan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang tepat dengan mengganggarkan diskaun bayaran tunai masa depan melalui jangka hayat bagi liabiliti kewangan atau tempoh yang lebih pendek kepada jumlah dibawa bersih bagi liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan pada 'nilai saksama melalui untung atau rugi' diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf atau terjejas.

iii) Liabiliti Kewangan tidak diambil kira

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh.

Sebarang perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.14 Hasil

i) Jualan Barangan

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli. Hasil diukur pada nilai, saksama pertimbangan yang diterima atau boleh diterima, selepas ditolak diskaun dan cukai yang dikenakan kepada pendapatan.

ii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan, dan terakru setiap masa.

iii) Harta Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan menurut kandungan perjanjian yang berkaitan.

iv) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran ditentukan.

v) Pembelian perkhidmatan

Hasil daripada pemberian perkhidmatan diiktiraf bersih daripada diskaun apabila perkhidmatan diberikan.

2.15 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda dicaj atau dikreditkan ke pendapatan komprehensif lain atau ekuiti jika cukai berkait dengan perkara yang dikreditkan atau dicaj secara langsung kepada pendapatan komprehensif lain atau ekuiti.

Cukai liabiliti semasa diukur berdasarkan jumlah jangkaan akan dibayar, dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besar pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan antara jumlah dibawa dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi sesuatu aset atau liabiliti pada tarikh laporan.

2.15 Cukai Pendapatan (sambungan)

Cukai liabiliti tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai dan aset cukai tertunda iktiraf semua perbezaan sementara yang boleh ditolak ke tahap berkemungkinan bahawakeuntungan boleh cukai cukup untuk ditolak dengan perbezaan sementara boleh digunakan. Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah dan untuk pengiktirafan awal aset atau liabiliti yang memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai. Liabiliti dan aset cukai tertunda mencerminkan kesan cukai dari cara di mana entiti tersebut menjangka untuk peroleh semula atau menyelesaikan jumlah aset dan liabiliti dibawa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besar pada tarikh laporan.

Jumlah aset dibawa cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan, dan nilai dibawa dikurangkan kepada tahap di mana ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai mencukupi untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset yang digunakan. Pengurangan ini dibalikkan mengikut jangkaan kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi dapat disediakan.

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

(a) Rosotnilai pembiayaan dan penghutang

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan telah rosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi rosotnilai, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidak ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan kegagalan atau kelewatan ketara dalam membuat bayaran.

Di mana tedapat bukti yang objektif bagi rosotnilai, jumlah dan penjadualan waktu bagi aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan pengalaman kerugian asal bagi aset-aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa. Amaun dibawa dan perincian mengenai penghutang Kumpulan pada tarikh laporan adalah dinyatakan dalam Nota 11 & 12.

(b) Pembangunan hartanah

